



**TEKS UCAPAN YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN
SURAT KENAIKAN PANGKAT
JAWATAN UTAMA SEKTOR AWAM (JUSA)
DAN JAWATAN GRED KHAS SEKTOR AWAM
BIL. 1/2013**

**25 FEBRUARI 2013 (ISNIN)
5.00 PETANG**

DEWAN A, PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBhg. Datuk Farida binti Mohd. Ali

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Ahli-ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam dan Ahli-ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran

YBhg. Tan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Para hadirin yang saya hormati sekalian

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita bersama-sama berkumpul petang ini di dalam **Majlis Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) dan Jawatan Gred Khas Sektor Awam Bilangan 1 Tahun 2013.**

UCAPAN PENGHARGAAN

2. Sebelum saya berucap dengan lebih panjang, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pegawai yang akan menerima surat kenaikan pangkat pada hari ini. Sesungguhnya kenaikan

pangkat ini merupakan satu **pengiktirafan dan penghargaan** Kerajaan ke atas **prestasi dan perkhidmatan cemerlang** yang telah diberikan oleh saudara-saudari. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua hadirin di atas kesudian untuk sama-sama hadir ke majlis pada petang ini, bagi meraikan pegawai-pegawai yang akan menerima surat kenaikan pangkat pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Para hadirin sekalian,

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PEMIMPIN

3. Kenaikan pangkat ke jawatan Gred Utama dan Gred Khas bukan sahaja merupakan satu bentuk pengiktirafan terhadap keupayaan dan kewibawaan saudara-saudari sekalian untuk meneraju perkhidmatan awam, malah yang lebih penting ianya merupakan satu bentuk amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul dan dilaksanakan. Selaku **pegawai pengurusan tertinggi Perkhidmatan Awam**, kita perlu memainkan peranan penting sebagai pemimpin kepada pegawai-pegawai di bawah seliaan kita. Hayati dan amalkanlah prinsip **“keimpinan melalui teladan”**, di mana pada setiap masa, **pamerkanlah sifat-sifat yang selayaknya dimiliki seorang pemimpin seperti berintegriti, berdedikasi dan proaktif** agar saudara-saudari dapat dicontohi serta diteladani.

4. Lanskap penyampaian perkhidmatan awam kini telah banyak berubah berbanding 10 tahun yang lampau. Perkhidmatan awam kini haruslah dinamik dan sentiasa sedia beradaptasi ke atas keperluan serta kehendak pelanggan yang kian kritikal. *At the risk of sounding like a broken record*, sepertimana sering saya tekankan semenjak diberi kepercayaan menerajui perkhidmatan awam pada tahun lalu, suka saya menyeru kepada saudara-saudari sekalian selaku barisan kepimpinan perkhidmatan awam, agar menghayati pendekatan konsep **'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'**. Semaikan di dalam diri kita, dan di dalam diri semua pegawai di bawah seliaan kita **semangat yang jitu serta sense of urgency untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan**; untuk memberi perkhidmatan dan layanan sepertimana kita sendiri ingin dilayan.

5. Sebagai pemimpin juga, kita mempunyai tanggungjawab (*we are duty-bound*) untuk “turun padang” **melihat serta memahami keadaan di peringkat akar umbi**, serta untuk **memelihara kebajikan penjawat awam di bawah seliaan kita**. Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang memahami, dan mempunyai empati terhadap sebarang masalah yang dihadapi oleh anak buah. Dalam menyampaikan perkhidmatan awam yang terbaik, fokus kita seharusnya tidak hanya tertumpu kepada usaha fasilitasi ke atas kehendak serta ekspektasi pelanggan, malah **harus juga memberi fokus kepada kebajikan, dan kesejahteraan pegawai-pegawai bawahan kita** yang mana mereka inilah yang akan menyokong kita ke arah memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Para hadirin sekalian,

BUDAYA KESUKARELAWAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

6. Seperti yang kita sedia maklum, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan tahun 2013 sebagai **Tahun Kesukarelawan Negara**. Beliau mempunyai harapan tinggi agar tahun ini menjadi tahun di mana semangat kesukarelawan (*volunteerism*) dicetuskan dan digerakkan di kalangan belia dan juga rakyat keseluruhannya, sebagai punca tenaga serta pemangkin ke arah membina negara bangsa yang maju dan berjaya, selain merealisasikan Wawasan 2020. Di dalam majlis pelancaran bagi program *My Beautiful Malaysia* pada 3 Februari yang lalu, Y.A.B Perdana Menteri telah memperkenalkan 'Program Transformasi Sosial' (*Social Transformation Programme*–STP) yang melengkapkan Dasar Transformasi Nasional. Umpama sebuah kerusi, Dasar Transformasi Nasional kini telah lengkap mempunyai empat kaki, melalui GTP, ETP, PTP dan kini STP. Bagi STP, YAB Perdana Menteri menekankan bahawa budaya serta semangat kesukarelawan ini merupakan salah satu **tunjang di dalam transformasi sistem nilai, budaya dan sikap masyarakat**, yang seterusnya akan menjadi salah satu komponen utama di dalam usaha mentransformasi Negara menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

7. Mengambil semangat tersebut, saya menyeru agar semangat kesukarelawan yang ditunjukkan di dalam program *My Beautiful Malaysia* pada 3 Februari yang lalu tidak terkubur dengan berakhirnya pelancaran program tersebut. Sebaliknya, **semangat dan budaya kerja amal sebegini haruslah disemarakkan di dalam organisasi kita**, bagi

memastikan ia menjadi suatu budaya yang akan **membantu kita bersama-sama mengorak langkah ke arah mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020.**

8. Di dalam perkhidmatan awam, ruang-ruang untuk pegawai dan pasangan terlibat dengan kerja-kerja amal/ kesukarelawan ini banyak disediakan, seperti di bawah aktiviti PUSPANITA dan kelab-kelab kebajikan yang ditubuhkan. Sehubungan itu, saya menyeru saudara-saudari sebagai pemimpin dalam agensi perkhidmatan awam untuk **mula membudayakan semangat kesukarelawan ini dalam organisasi masing-masing** agar dapat diteladani oleh pegawai-pegawai bawahan kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

HARAPAN DAN EKSPEKTASI

9. Saya percaya dan mempunyai keyakinan penuh bahawa barisan kepimpinan perkhidmatan awam yang hadir di dalam majlis hari ini mampu menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Saya berharap agar saudara-saudari sekalian akan membuktikan bahawa **kepercayaan ini adalah berasas dan merupakan keputusan yang tepat.** Saya menyeru agar saudara-saudari sekalian sama-sama berusaha ke arah meneraju perkhidmatan awam yang boleh dibanggakan; perkhidmatan awam yang bertaraf dunia. Ingatlah untuk sentiasa berusaha gigih bagi memenuhi ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan, dan tidak lupa juga peliharalah kebajikan pegawai-pegawai di bawah seliaan. Marilah sama-sama kita

meneruskan, malah melipat-gandakan usaha ke arah pemantapan serta penambahbaikan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam. Malah, YAB Perdana Menteri juga mempunyai harapan yang tinggi agar penjawat awam menunjukkan semangat dedikasi dan meningkatkan produktiviti sepanjang tahun 2013, dan menjadikan tahun ini sebagai tahun yang lebih cemerlang daripada tahun-tahun yang lalu.

Para hadirin sekalian,

PENUTUP

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas segala komitmen serta kerjasama semua yang berada di dalam majlis pada petang ini. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima surat kenaikan pangkat pada hari ini, dan saya berharap agar kita semua dapat terus berusaha dan menyumbang bakti kepada perkhidmatan awam dan Negara.

Sekian,

Wabillahittaufik walhidayah

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.